

26/11/1998

Pelan Miyazawa bantu pemulihan ekonomi Asia

Kadir Dikoh

JIKA tiada halangan, harapan Malaysia untuk memperolehi bantuan dana dari luar negara khususnya Jepun akan berhasil bagi membantu usaha merangsang pemulihan ekonomi.

Rancangan Malaysia untuk mengumpul dana di luar negara menerusi penerbitan bon Julai lalu pernah terhalang disebabkan penurunan gred penarafan bon kedaulatan negara oleh agensi penarafan antarabangsa. Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur minggu lalu, membuka ruang kepada Asia termasuk Malaysia yang dilanda krisis kewangan, mendapat sokongan bantuan kewangan daripada negara maju seperti Jepun manakala beberapa negara lain seperti Australia dan Taiwan turut berikrar memberi bantuan. Bantuan itu dijanjikan sama ada menerusi hasil perbincangan dua hala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawat atau melalui pakej diumumkan ketika Sidang Apec. Keseluruhannya kira-kira AS\$42 bilion (RM160 bilion) diumumkan sempena sidang itu.

Pertama ialah inisiatif bersama Amerika Syarikat (AS) dan Jepun berjumlah AS\$10 bilion (RM38 bilion), diikuti Pelan Miyazawa sebanyak AS\$30 bilion (RM114 bilion) dan pinjaman mudah AS\$1.8 bilion (RM6.84 bilion) daripada Jepun khusus untuk Malaysia. Rakyat Malaysia ternanti-nanti, berapakah jumlah sebenar yang bakal diterima Malaysia daripada pakej inisiatif AS-Jepun dan Pelan Miyazawa itu kerana pengagihannya akan dibuat berdasarkan keperluan negara Asia yang bakal menerima bantuan.

Memang benar AS dan Jepun melancarkan inisiatif bersama pelan AS\$10 bilion itu untuk membantu pertumbuhan swasta di rantau ini, tetapi setakat ini Washington lebih banyak bercakap tanpa mengeluarkan wang tunai berbanding Jepun yang bercakap dengan memberi angka mata wang untuk dihulurkan. Persoalannya, apakah Washington akan cuba menggagalkan harapan Malaysia untuk mendapat bantuan kewangan melalui dua pakej itu? Kenyataan kontroversi Naib Presiden AS, Al Gore yang menyokong gerakan reformasi, mungkin digunakan oleh Washington untuk terus menekan Malaysia atas alasan hak asasi manusia.

Dr Mahathir dalam sidang akhbar di akhir sidang kemuncak Apec itu Rabu lalu melahirkan kebimbangan Malaysia bahawa tawaran bantuan kewangan oleh Jepun kepada Malaysia akan menempuh halangan dari segi pembayaran jika ada campur tangan oleh negara lain. "Tawaran Jepun itu memang baik tetapi ada orang mungkin masuk campur untuk menghalang Jepun daripada mengeluarkan wang itu," kata Perdana Menteri tetapi tidak menyebut nama negara yang dimaksudkan itu. Namun, difahamkan sasaran itu adalah AS. Jepun menyedari hakikat ini.

Ini kerana sehari sebelum itu, Akitaka Saki, jurucakap Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi memberitahu sidang akhbar Jepun tidak akan membiarkan AS menentukan 'negara mana dapat apa' di bawah program bantuan kewangannya dan pembayaran akan dibuat berdasarkan keperluan negara penerima.

"Kami akan pastikan bantuan ini tidak dikaitkan dengan faktor yang lain daripada pertimbangan ekonomi. Kami juga akan pastikan keadaan politik dalaman tidak menentukan sama ada sesebuah negara itu mendapat lebih atau kurang," kata Saki. Itu kata Saki dan bukan pendirian rasmi atau kenyataan terus daripada mulut Obuchi. Kita juga tidak tahu sama ada Presiden Bill Clinton ada menyuarakan 'bibit-bibit' halangan untuk Malaysia itu dalam pertemuannya dengan Obuchi sempena lawatannya ke Tokyo beberapa hari lalu.

Dr Mahathir juga ditanya jika ada percubaan oleh AS untuk mengetepikan

Malaysia daripada pakej bantuan sedemikian dan beliau menjawab: "Tidak banyak yang saya tahu mengenai pakej bantuan AS. Kita berunding dengan Jepun." Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama ketika lawatannya ke Tokyo Oktober lalu ada menyatakan Jepun pernah mencadangkan pakej bantuan AS\$100 bilion (RM380 bilion) untuk beberapa negara Asia termasuk Malaysia tetapi dibantah oleh AS dan jumlah itu terpaksa dikurangkan kepada AS\$30 bilion.

Julai lalu, rancangan Malaysia untuk mengumpul dana di luar negara bagi membiayai pemulihan perniagaan menerusi penerbitan bon terhalang apabila Moody's Investors Service dan Standard & Poor's menurunkan gred penarafan bon kedaulatan negara. Tindakan itu menyukarkan usaha Malaysia dan jika ia meneruskan usaha itu, kos pinjaman akan pasti menjadi lebih tinggi.

Namun, Obuchi dalam perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir Selasa minggu lalu memberi komitmen semua janjinya untuk membantu Malaysia akan dipenuhi termasuk bantuan khusus untuk ini sebanyak RM6.84 bilion. Jumlah komitmen ini diumumkan oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pertemuan itu dan menyatakan bantuan itu mula diperolehi Malaysia ketika lawatan Perdana Menteri ke Tokyo bulan lalu.

Dalam Deklarasi Kuala Lumpur yang dikeluarkan selepas Sidang Kemuncak Apec Keenam yang berakhir Rabu lalu, pemimpinnya mengalu-alukan pakej bantuan AS\$30 bilion yang dicadangkan Jepun untuk menyokong usaha memulihkan ekonomi Asia. Pakej ini dikenali sebagai Pelan Miyazawa (mengambil sempena nama Menteri Kewangan Jepun). Sidang yang dipengerusikan Dr Mahathir itu juga mengalu-alukan inisiatif pelbagai hala untuk merangsang semula pertumbuhan sektor swasta seperti diumumkan sebelum itu oleh Jepun dan AS. Inisiatif AS-Jepun sebanyak AS\$10 bilion itu diumumkan oleh Al Gore pada majlis makan malam sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Apec Isnin minggu lalu bagi membantu pembiayaan baru sektor swasta dalam usaha menjamin sistem perbankan rantau ini kekal cair dan dengan itu, penstrukturan syarikat tidak terhalang.

Ini adalah kali pertama AS mengumumkan bantuan kewangan sejak krisis kewangan Asia tercetus lebih setahun lalu. Selama ini Washington lebih banyak melontar idea yang sesetengahnya untuk kepentingan negara itu sendiri termasuk meminta Jepun turut memberi bantuan kewangan bagi membantu bank mereka yang bermasalah. Berdasarkan pakej AS-Jepun ini, Kerajaan Jepun akan menyediakan AS\$3 bilion (RM11.4 bilion) serta-merta, dengan Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank Dunia menyediakan AS\$2 bilion (RM7.6 bilion). Kerajaan AS pula menyumbang AS\$5 bilion (RM19 bilion), jumlah yang tidak sepadan dengan kekayaan atau menyamai kekayaan idea mereka selama ini.

Menurut Gore, Bank Import Eksport AS akan menyediakan pembiayaan jangka sederhana kepada Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, masing-masing berjumlah AS\$1 bilion selain AS\$5 bilion yang diberikan terdahulu. Kenyataan itu jelas menunjukkan Washington mengutamakan negara penerima bantuan adalah yang bernaung di bawah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Tiga negara terbabit menerima bantuan IMF tetapi Malaysia awal-awal lagi menyatakan keengganan berbuat demikian dengan alasan bahawa 'pil mujarab' dibawa IMF kononnya untuk memulih ekonomi, sebaliknya menyebabkan ekonomi menjadi lebih parah. Bank Dunia menyatakan ia mungkin menawarkan jaminan pinjaman untuk bon Kerajaan Asia bertujuan mendapatkan tunai untuk menyuntik dana bank dan penyusunan semula korporat.

Mengenai mekanisme pakej bantuan Jepun, Akitaka Saki, pada satu sidang akhbar sempena Apec di Kuala Lumpur baru-baru ini berkata syarikat mesti memohon bantuan kepada kerajaan masing-masing.

"Kami hanya menimbangankan pengagihan bantuan daripada kedua-dua pakej ini secara terus di antara kerajaan. Kerajaan Jepun akan menghantar misi mewakili kerajaan kami, ADB dan Bank Dunia kepada negara Asia yang

dipilih. Pasukan ini akan menilai syarikat yang meminta bantuan berdasarkan merit mereka sendiri sebelum membuat sokongan. Misi ini akan dihantar ke Malaysia pada 27 hingga 29 November ini dan kemudian satu lagi misi akan dihantar ke Korea Selatan dan Filipina dalam tempoh sebulan. Misi yang sama sudah dihantar ke Indonesia dan Thailand. Laporan itu kemudian dikemukakan kepada kerajaan kami (Jepun) untuk kajian dan kemudian pengagihan bantuan dana dibuat," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri Australia John Howard dalam pertemuan dua hala dengan Dr Mahathir sempena Apec turut menawarkan pakej bantuan untuk negara anggota yang menghadapi krisis kewangan termasuk Malaysia.

Untuk pemulihan ekonomi Asia, Jepun seharusnya membuka laluan memberi bantuan, bukan AS. Pada masa yang sama, hakikat harus diterima bahawa Jepun sendiri turut bermasalah dan ekonominya meleset pada tahap paling teruk selepas Perang Dunia Kedua. Namun, Tokyo masih berupaya menghulur bantuan seperti dijanjikan melalui pakej itu serta bantuan khusus untuk Malaysia.

Apa yang menjadi harapan Malaysia ialah supaya tiada campur tangan AS atau Kanada untuk menghalang pengagihan bantuan Jepun itu. Biarlah Malaysia menyelesaikan sendiri masalah politik dalamannya dan Gore pula tidak harus mengambil kesempatan walaupun niatnya mahu menjadi popular dengan dasar antarabangsa dalam mengejar cita-citanya mahu menjadi Presiden AS selepas Clinton.

(END)